



Pembaharuan fiskal perlu walaupun kenaikan harga minyak mentah beri kelebihan pada kerajaan-ekonomi

KUALA LUMPUR, 15 Mac (Bernama) -- Kenaikan mendadak harga minyak mentah Brent kepada lebih US\$100 setong berbanding anggaran harga minyak US\$66 setong semasa Bajet 2022 dibentangkan memberi kelebihan kepada kerajaan, tetapi pembaharuan fiskal adalah lebih penting kerana harga minyak mungkin tidak kekal pada kadar semasa selama-lamanya, demikian menurut beberapa pakar ekonomi.

Dianggarkan kerajaan mungkin perlu memperuntukkan RM28 bilion bagi tujuan subsidi pada 2022 jika harga minyak kekal melebihi US\$100 setong berbanding RM11 bilion untuk 2021.

"Oleh itu, ada dua perkara yang perlu dipertimbangkan. Pertama, harga (minyak) mungkin tidak kekal tinggi selama-lamanya dan kedua, peningkatan hasil dianggarkan sekitar RM16.95 bilion, dan RM11 bilion subsidi yang diperuntukkan tahun lepas mencapai anggaran RM28 bilion tahun ini," kata profesor ekonomi Universiti Sains dan Teknologi Malaysia Dr Geoffrey Williams kepada Bernama.

Walaupun beliau percaya kenaikan harga minyak akan mencukupi untuk membiayai kawalan harga, pembaharuan fiskal yang sama ke atas subsidi makanan dan bahan api perlu dilakukan oleh kerajaan untuk memastikan subsidi itu memberi manfaat kepada kumpulan sasaran.

Menteri Kewangan Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz berkata kerajaan akan mengkaji semula mekanisme subsidi bahan api dan minyak masak, supaya ia lebih disasarkan ke arah membantu dan memberi subsidi kepada golongan rentan dan yang benar-benar memerlukan bantuan.

"Pelaksanaan subsidi secara bersasar dijangka dapat mengoptimumkan sumber kewangan kerajaan dan penjimatan yang dicapai dapat diagihkan semula untuk program yang lebih berkesan menyumbang kepada kesejahteraan rakyat," katanya di Dewan Rakyat baru-baru ini.

Tengku Zafrul berkata program subsidi semasa melibatkan harga bersubsidi yang sama dinikmati semua golongan, tanpa mengira kaya atau miskin.

Malah, beliau berkata golongan berpendapatan tinggi akan menikmati lebih subsidi berdasarkan tahap penggunaan yang lebih besar berbanding mereka yang berpendapatan rendah.

Menurut penyelidikan oleh Asean+3 Macroeconomic Research Office (AMRO), kenaikan sebanyak US\$1 dalam harga minyak bermakna penambahan sebanyak RM646 juta kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia, RM339 juta kepada hasil kerajaan dan 0.03 peratus kepada Indeks Harga Pengguna (IHP).

Oleh itu, dengan peningkatan US\$50, ia menambah sebanyak RM32.3 bilion kepada KDNK, RM16.95 bilion kepada hasil kerajaan dan 1.5 peratus kepada IHP.

"Bagi inflasi, memandangkan IHP keseluruhan kini sedang menyusut dan IHP tanpa minyak di bawah dua peratus manakala inflasi teras di bawah satu peratus, impak ke atas inflasi secara keseluruhan akan

menjadi sederhana, dan jika peningkatan harga minyak mereda, maka, kesan inflasi adalah sementara," kata Williams sambil menekankan keadaan adalah tidak menentu ekoran konflik berterusan antara Rusia dan Ukraine.

Beliau turut menegaskan keadaan semasa telah menimbulkan banyak ketidakpastian kepada unjuran pertumbuhan Malaysia kerana jangkaan rasmi banyak bergantung kepada permintaan global luaran yang akan terjejas oleh konflik yang dahsyat ini.

"Inilah sebabnya untuk unjuran pertumbuhan tahun ini, kami amat berhati-hati, mungkin sekitar 3.5 peratus," tambahnya.

Mengenai inflasi pula, beliau berkata harga minyak yang lebih tinggi akan melonjakkan KDNK Malaysia dan hasil kerajaan tetapi ia digunakan untuk subsidi - untuk mengekalkan harga rendah petrol bagi RON95 tetapi diesel akan meningkat, maka, kos pengangkutan akan turut meningkat dan mungkin disalurkan kepada pengguna dalam IHP.

"Secara keseluruhan dengan inflasi utama jatuh kepada 2.3 peratus pada bulan Januari manakala inflasi tanpa minyak serta inflasi teras kedua-duanya adalah sangat rendah, kami mengekalkan pandangan bahawa inflasi di Malaysia akan menjadi sederhana dan tidak ada keperluan untuk kadar faedah yang lebih tinggi.

"Tetapi ketidaktentuan kerana krisis Rusia-Ukraine adalah sangat tinggi jadi kami perlu memantau keadaan dengan teliti," tambahnya.

Pendapat beliau turut dipersetujui Ketua Ekonomi Bank Islam Malaysia Bhd Dr Afzanizam Abdul yang menyatakan masanya tidak sesuai untuk menghapuskan subsidi bahan api pada masa ini dan sekiranya berbuat demikian, akan hanya meningkatkan kadar inflasi dengan ketara dan mungkin menyebabkan harga barangan lain turut naik.

Ditanya sama ada tabung kerajaan boleh menyerap kesan peningkatan subsidi bahan api, beliau berkata kerajaan masih mendapat manfaat daripada kenaikan harga bahan api melalui kutipan lebih tinggi dalam cukai pendapatan petroleum, duti eksport, royalti petroleum, dan pendapatan dividen daripada Petronas, yang dianggarkan sekitar RM44 bilion mengikut Tinjauan Fiskal dan Anggaran Hasil Kerajaan Persekutuan 2022 yang terkini.

"Menurut maklumat paling terbaru daripada Kementerian Kewangan, subsidi bahan api dan minyak masak berjumlah sekitar RM8 bilion dan dengan mengandaikan angka itu meningkat tiga kali ganda, subsidi itu boleh berjumlah sekitar RM24 bilion, yang masih beri kelebihan kepada kerajaan.

"Melihatkan kepada keadaan semasa, menghapuskan subsidi bahan api sekarang akan mendatangkan lebih banyak kemudaratan daripada kebaikan. Namun begitu, apabila ia melibatkan penghapusan subsidi, sebenarnya tiada apa yang dikatakan sebagai masa yang sesuai dan ia adalah langkah pengimbangan yang sangat sensitif," tambahnya.

Tegasnya, isu utama ialah subsidi bahan api tidak disasarkan, justeru, berlaku pembaziran kerana golongan berpendapatan tinggi lebih banyak mendapat manfaat daripada subsidi bahan api.

"Oleh itu, pembaharuan fiskal diperlukan, tetapi bahagian yang selalu rumit adalah pemasaan (timing). Kerajaan harus bermula dengan mewujudkan kempen kesedaran tentang keperluan untuk merasionalkan subsidi bahan api.

"Ini bagi memastikan rakyat akan menyokong sepenuhnya inisiatif itu dari awal. Kedua, mesti ada mekanisme yang jelas dan berkesan untuk menyasarkan subsidi. Sebaik-baiknya, pasaran harus memutuskan mengenai subsidi bahan api, dan subsidi bahan api perlu dialihkan semula kepada program langsung atau pemindahan tunai," katanya.

Beliau turut mengulangi bahawa pembaharuan fiskal boleh menjadi sangat mencabar apabila perniagaan yang tidak bertanggungjawab mengambil kesempatan cari keuntungan daripada situasi itu, justeru, isu yang berkaitan dengan penguatkuasaan undang-undang sedia ada berkaitan harga, serta sebarang dasar yang telah ditetapkan, harus difikirkan dengan baik dan disampaikan dengan jelas kepada pihak berkepentingan, dengan garis masa yang munasabah untuk pelaksanaan.

Sementara itu, pakar ekonomi kanan CLSA Ltd Anthony Nafte percaya bahawa kenaikan harga tenaga akan memburukkan lagi kelembapan dalam ekonomi maju, sekali gus memberi tekanan kepada pertumbuhan eksport Asia tahun ini.

"Malaysia masih belum menyelaraskan harga bahan api domestik," tambahnya.

Kenaikan harga minyak yang kini berada pada paras US\$115 setong di tengah-tengah ketegangan geopolitik antara Rusia dan Ukraine telah mencetuskan kebimbangan terhadap inflasi global.

Menurut **Jabatan Perangkaan Malaysia**, IHP meningkat 2.3 peratus kepada 124.9 pada Januari 2022 daripada 122.1 pada 2021, dan peningkatan itu melepasi purata inflasi negara bagi tempoh 2011 hingga Januari 2022 (1.9 peratus).

-- BERNAMA

<https://www.bernama.com/en/business/news.php?id=2061973>